

SOALAN NO: 40

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG  
KAWASAN : SIMPANG RENGAM  
TARIKH : 08 MAC 2018, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB DATUK LIANG TECK MENG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian melalui konsesi terbabit bercadang untuk menambahkan laluan (lane) Lebuhraya Utara Selatan di kawasan Johor.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa memantau keadaan trafik di Lebuhraya Utara – Selatan. Berdasarkan pemerhatian, jumlah trafik hanya meningkat pada waktu puncak dan musim perayaan sahaja di laluan berkenaan.

Sehingga kini, pihak Kementerian belum mempunyai perancangan untuk menambah laluan lebuhraya di kawasan Selatan.

Sekian, terima kasih.